

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 NOVEMBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 21

Inflasi diunjur meningkat sederhana tahun ini

Inflasi diunjur meningkat sederhana tahun ini

Penyelidikan oleh MIDF Amanah Investment Bank Bhd mengunjurkan inflasi yang ditunjukkan menerusi Indeks Harga Pengguna (IHP) tahun ini menjadi sederhana kepada 3 peratus daripada 3.3 peratus pada 2022.

Bank pelaburan itu menjelaskan, inflasi lebih rendah seperti ditunjukkan dalam Indeks Harga Pengeluaran Perkhidmatan (IHPRP) serta penurunan berterusan IHPR bagi industri pengeluaran barangan pada -1.4 peratus tahun ke tahun bagi suku ketiga berbanding -4.1 peratus pada suku kedua menunjukkan pengurangan tekanan kos yang membawa kepada penyederhanaan berterusan dalam inflasi IHP.

"Bagaimanapun, kami masih bimbang mengenai inflasi makanan seperti yang ditunjukkan peningkatan kos berterusan dalam perkhidmatan makanan dan minuman (F&B) yang menjadi penyumbang utama kepada peningkatan berturut-turut IHPRP keseluruhan dari suku sebelumnya."

"Walaupun tekanan kos berkurangan telah mendorong inflasi menjadi sederhana, kami menjangkakan peningkatan semula tekanan kos boleh membawa kepada peningkatan mendadak inflasi harga pengguna beberapa bulan akan datang," jelasnya dalam nota penyelidikan, semalam.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan IHPRP Malaysia meningkat 1.4 peratus kepada 115.4 mata pada suku ketiga tahun ini daripada 113.8 mata pada suku yang sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata semua subsektor merekodkan peningkatan pada suku ini kecuali indeks maklumat dan komunikasi yang tidak berubah.

BERNAMA